



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

**PROGRAM ADVOKASI PERLINDUNGAN KANAK-KANAK:
PERINGKAT NEGERI SEMBILAN TAHUN 2024**

TARIKH/MASA/LOKASI

**23 APRIL 2024 (SELASA) | 10.30 pagi
SMK SERI AMPANGAN, SEREMBAN.**

Kemaskini: 22 Apr 2024

Terima kasih Pengerusi Majlis.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Selamat pagi dan Salam Malaysia MADANI

(SALUTASI AKAN DISEDIAKAN)

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana di bawah rahman dan inayahNYA, kita dapat berkumpul dalam **Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak, Peringkat Negeri Sembilan 2024** pada pagi ini.

2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada peringkat ibu pejabat dan Negeri Sembilan yang telah bekerjasama dalam menguruskan program kita pada hari ini.

3. Pagi ini, kita datang ke sini dengan satu objektif, iaitu untuk **menggerakkan semua anggota masyarakat termasuk warga ibu bapa, PIBG, guru-guru, komuniti setempat serta anak-anak pelajar yang berada di hadapan saya ini.** Kami ingin pastikan hak-hak anda sebagai kanak-kanak sentiasa

dilindungi supaya mereka dapat membesar dengan selamat, ceria dan bahagia.

4. Untuk pengetahuan para hadirin dan anak-anak sekalian, program ini telah diadakan juga di beberapa sekolah di Kuala Lumpur, Selangor, Kelantan, Melaka, Sabah dan Sarawak. Tahun ini, kita berhasrat untuk menjalankan program ini ke 300 sekolah di seluruh Malaysia.
5. Kita sering mendengar kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak yang mendapat liputan meluas dalam media –

namun, JKM atau Kementerian kami, tidak mampu menangani kes-kes ini tanpa kerjasama dari anda semua. Oleh itu, kita melancarkan Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak ini.

6. Ada juga kes dera yang berlaku antara pelajar yang di bawah umur 18 tahun juga, ada sampai yang meninggal dunia. Kes seperti ini amatlah membimbangkan dan mencerminkan bahawa ada sesuatu yang tidak kena dengan persekitaran yang sepatutnya selamat untuk semua. Bila sesuatu seperti ini berlaku, kita perlu bertindak.

7. Sebagai pelajar, anda semua masih mempunyai perjalanan yang jauh dalam kehidupan ini. Silap langkah pada hari ini dan anda mungkin tidak mempunyai masa depan yang cerah. *You might not have a future.* Sebagai kementerian, kami bertanggungjawab untuk memberikan kesedaran ini. Kami menerima banyak kes yang melibatkan pelajar 18 tahun ke bawah, di mana remaja perlu dihantar ke institusi kami (SMK Tunas Bakti). Ada yang terpaksa pergi ke sana kerana ibu bapa tidak mampu menjaga mereka.

8. Masyarakat setempat memainkan peranan yang amat penting dalam perlindungan kanak-kanak. Adalah penting untuk kita tahu apa tindakan yang perlu diambil sekiranya kanak-kanak terdedah atau terlibat dalam kes penderaan dan pengabaian. Semua pihak, sebagai individu ataupun secara komuniti, perlu bersama-sama cakna terhadap hak kanak-kanak.

9. Pertama sekali, sekiranya berlaku apa-apa yang mencurigakan, sekiranya mereka didera oleh ibu bapa atau ahli keluarga di dalam rumah, dapatkan pertolongan segera

dengan menghubungi talian kasih 15999 atau melalui whatsapp 019-2615999 atau dapatkan pertolongan daripada jiran.

10. Kedua, janganlah sekadar membuat video di media sosial sahaja untuk dijadikan “content” – laporkan kes tersebut kepada pihak kami – ingat, Talian Kasih 15999.
11. Selain program advokasi kanak-kanak ini, kami telah menubuhkan Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak (JPKK) pada 24 Februari 2023, berikutan pengumuman Bajet 2023 di

parlimen. Jabatan ini beroperasi di bawah JKM dan mula berkuatkuasa pada 1 September 2023.

12. Tujuan utama penubuhan JPKK ini adalah untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan dalam memastikan kebajikan dan keselamatan anak-anak kita dijaga. Ini termasuk perkhidmatan di pejabat-pejabat kebajikan masyarakat negeri dan daerah, serta perkhidmatan institusi kanak-kanak.

13. Sejumlah 169 jawatan telah diisi termasuk 145 Pegawai Pembangunan Masyarakat yang ditempatkan di JKM Negeri dan Wilayah Persekutuan. Dengan penambahan pegawai dan kakitangan di peringkat ibu pejabat, negeri dan daerah, saya percaya kita dapat memastikan perkhidmatan perlindungan, pemeliharaan dan pemulihan kanak-kanak semakin ditingkatkan.

14. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak penganjur. Semoga

pertemuan kita pada pagi ini akan memberikan suntikan semangat untuk terus meningkatkan kefungsian dan peranan kita sebagai ahli masyarakat untuk memastikan kesejahteraan anak-anak kita diberikan keutamaan. Saya juga berharap advokasi ini diteruskan di negeri dengan harapan untuk mencegah kes dera dan pengabaian kanak-kanak di Negeri Sembilan.

15. Saya juga ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin kepada semua. Saya difahamkan Yayasan Kebajikan Negara (YKN) telah menyumbang kuih raya pada program kita pagi ini untuk diagihkan kepada para pelajar kita nanti. Terima kasih, YKN.

16. Akhir kata, 1 rangkap pantun dari saya:

*Dari Putrajaya nak po-ee ko Ampangan,
Singgah sekojap kek R&R Seghomban,
Terimo kasih orang-orang Negoghi Sembilan,
Jomput sey datang hadir ke majlis perasmian.*

Dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim, saya melancarkan
**Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: KASIH
Kanak-Kanak Peringkat Negeri Sembilan Tahun 2024.**

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufiq Wal Hidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Haji Shukri
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
23 April 2024 (Selasa)